

# **BAB DUA**

## BAB DUA

### ELEMEN-ELEMEN KESALAHAN MENCURI

#### 1. Elemen-Elemen Mencuri: Perbandingan di antara Kanun Keseksaan dan Hukum Islam

Daripada perbincangan mengenai definisi curi yang terdapat di dalam Bab terdahulu, dapatlah disimpulkan bahawa 2 unsur utama berikut adalah perlu untuk membentuk perbuatan 'curi' menurut Kanun Keseksaan, iaitu: *actus reus* dan *mens rea*. *Actus reus* perbuatan 'curi' terdiri daripada elemen-elemen berikut iaitu (1) Mengambil harta bolehalih (2) Mengambil harta milik oranglain (3) Mengambil harta tanpa kerelaan pemiliknya dan (4) Menggerakkan harta dengan tujuan untuk mengambilnya. Manakala *mens rea* bagi perbuatan 'mencuri' dikatakan wujud apabila tertuduh melakukan *actus reus* dengan niat yang curang. Elemen-elemen ini telah disebut oleh Hakim Raja Musa di dalam kes *PP lwn Goo Kian*<sup>1</sup> seperti berikut:

*“ Daripada definisi yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 378 Kanun Keseksaan, unsur-unsur utama jenayah mencuri adalah seperti berikut: (i) Perbuatan Mengambil (ii) Harta yang boleh alih (iii) Di dalam pemilikan orang lain (iv) Mengeluarkan daripada pemilikan orang itu (v) tanpa kerelaannya dan (vi) Dengan niat untuk menyebabkan kedapatan salah atau kehilangan salah ”*

#### 1.1 Elemen Pertama: Mengambil harta bolehalih

Seksyen 378 Kanun menjelaskan bahawa barang yang dicuri mestilah; sesuatu yang dianggap harta. Maksud harta ialah apa jua barang berharga yang dimiliki oleh seseorang seperti rumah, tanah, kenderaan dan lain-lain. Fitzgerald mendefinisikan harta sebagai suatu hak yang eksklusif tanpa sebarang bentuk batasan untuk menggunakannya menurut cara yang diperakukan oleh undang-

<sup>1</sup>(1939) 8 MLJ 291 di h. 292

undang dan bebas daripada sebarang bentuk gangguan dan campurtangan orang lain, tetapi masih tertakluk kepada kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada seseorang<sup>2</sup>.

Selain itu, harta yang dikategorikan sebagai harta curian mestilah jenis harta boleh-alih dan zahir sahaja. Seksyen 22 menjelaskan, harta bolehalih termasuklah harta zahir dari segala rupa kecuali tanah dan benda-benda yang bercantum kepada bumi atau yang dipasang dengan kekalnya kepada apa-apa benda yang bercantum kepada bumi. Manakala harta zahir pula, adalah harta yang boleh dilihat dan disentuh oleh pancaindera dan boleh pula digerakalihkan<sup>3</sup>. Ini bererti, sesuatu benda itu bukannya harta yang boleh alih selagi benda itu bercantum kepada bumi seperti rumah, pokok dan seumpamanya. Oleh kerana ia tidak termasuk di dalam kategori harta yang boleh dicuri maka membawa erti ia bukan harta bolehalih yang dimaksudkan di dalam seksyen 378. Akan tetapi, ia akan bertukar menjadi barang yang boleh dicuri sebaik sahaja ia terputus daripada bumi<sup>4</sup>. Di dalam kes *Rex Iwn Lim Soon Gong & Ors*<sup>5</sup> misalnya, responden telah dituduh melakukan kesalahan mencuri pasir daripada suatu kawasan pinggir pantai yang terletak 6 1/2 batu daripada East Coast Road. Salah satu isu yang timbul di dalam kes ini ialah, samada pasir termasuk di dalam kategori harta bolehalih atau tidak. Mahkamah telah memutuskan bahawa pasir adalah termasuk di dalam kategori harta bolehalih sebaik sahaja ia digali daripada tempat asalnya dan oleh sebab itu, perbuatan mengambil pasir dari kawasan yang dimiliki oleh orang lain tanpa kerelaan daripada pemiliknya

---

<sup>2</sup> Fitzgerald, (1966), *Salmond On Jurisprudence*, London: Sweet & Maxwell, h. 412

<sup>3</sup> Lihat definisi " *Corporeal Property*", *Longman Dictionary Of Contemporary English*, (t.t), The Bath Press, h. 230, berlainan dengan harta tidak zahir (*incorporeal property*) yang merujuk kepada harta yang tidak mempunyai jasad atau material.

<sup>4</sup> Lihat Huraian 1 seksyen 378

<sup>5</sup> (1939) MLJ 10

adalah merupakan suatu kesalahan mencuri<sup>6</sup>. Di dalam kes yang lain, *Che Man Bin Che Mud lwn PP*<sup>7</sup> perayu telah menunaikan cek bernilai RM22.2 juta yang telah diperolehi hasil daripada perbuatan pecah amanah yang telah dilakukan oleh seorang yang lain, yang telah pun disabitkan dengan kesalahan pecah amanah dan perayu telah dituduh melakukan kesalahan bersubahat. Di antara isu yang timbul ialah, samada sekeping cek yang bertulis nilai yang tertentu termasuk di dalam kategori harta boleh alih yang dimaksudkan oleh seksyen 378. Di dalam kes ini, mahkamah telah memutuskan bahawa cek yang tertulis nilai tertentu, sekeping wang kertas atau wang syiling adalah harta bolehalih. Walaubagaimanapun, sebaik sahaja wang-wang ini didepositkan ke dalam akaun seseorang, pemilik wang berkenaan hanya berhak untuk menuntut wang berkenaan daripada pihak bank dan hak ini tidak termasuk di dalam kategori harta zahir sebagaimana yang dinyatakan di dalam seksyen 22 Kanun dan oleh yang demikian bukanlah harta bolehalih.

Bagi elemen pertama ini, jika dilihat dari perspektif hukum jenayah Islam, ianya sangat bersesuaian dengan hukum Islam kerana Islam juga turut mensyaratkan bahawa hanya harta yang bersifat boleh alih pada asalnya atau harta tidak bolehalih yang telah dialihkan sahaja boleh dikategorikan sebagai harta curi.<sup>8</sup> Menurut 'Abd al-Qādir 'Awdah<sup>9</sup>, harta bolehalih itu pula hendaklah berfizikal samada keras seperi besi, cecair seperti air atau dalam bentuk gas dan arus seperti gas masakan atau arus elektrik. Menurut beliau lagi, faktor penentunya ialah samada sesuatu itu dapat disimpan atau dikuasai atau tidak.

---

<sup>6</sup> Lihat juga kes-kes di India iaitu *Suri Venkatappayya Sastri v Madula Venkanna* (I.L.R 27 Mad. 531) dan *Queen Empress v Shivram* (I.L.R 15 Bom. 702). Di dalam kes-kes ini, mahkamah juga telah memutuskan bahawa tanah atau batu-batu boleh menjadi harta bolehalih sebaik sahaja ia dikeluarkan dari bumi dan oleh kerana itu boleh menjadi harta yang dicuri

<sup>7</sup> (1994) 4 CLJ 823

<sup>8</sup> al-Zarqānī, (t.t), *Syarḥ al-Zarqānī*, Mesir: Dār al-Fikr, j. 4, h. 102, al-Kasānī. (1982), *Badāi' al-Ṣanāi'*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabiyy, j. , h. 68-69

<sup>9</sup> Abd al-Qādir 'Awdah, (1992), *al-Tasyrī' al-Jināi' al-Islāmi*, Beirut: Muassasah al-Risālah, C. 11, j.2, h. 543-544



Soal samada sesuatu benda itu boleh diklasifikasikan sebagai sesuatu yang boleh dicuri atau tidak adalah seperti berikut:

#### **a. Bahan-bahan di dalam tanah**

Pada asasnya, tanah bukanlah harta bolehalih dan bukan juga perkara yang boleh dicuri. Walaubagaimanapun, bahan-bahan yang terdapat di dalam tanah seperti batu-batu atau bahan-galian, boleh menjadi barang yang boleh dicuri apabila ia dikeluarkan daripada tanah tersebut<sup>10</sup>. Oleh itu, sesiapa jua yang mengambil dan mengeluarkannya dengan niat yang curang, maka ia dikatakan telah melakukan kesalahan mencuri<sup>11</sup>.

#### **b. Tubuh badan Manusia**

Sebagaimana yang telah dinyatakan, sesuatu benda boleh menjadi barang yang boleh dicuri hanya apabila ianya dimiliki oleh orang lain dan boleh pula dialihkan. Sehubungan dengan itu, tubuh badan manusia samada yang masih hidup mahupun yang telah mati, tidak termasuk di dalam jenis harta bolehalih dan bukan pula milik sesiapa serta tidak boleh dijadikan bahan dagangan. Oleh kerana itu, mencuri tubuh badan manusia yang telah mati tidak dikatakan sebagai mencuri,<sup>12</sup> melainkan jika ianya telah diawetkan seperti mumia yang disimpan di dalam muzium atau di institusi-institusi saintifik<sup>13</sup>. Bagi tubuh badan manusia yang masih hidup pula, perbuatan 'mengambil' manusia yang hidup tidak dikatakan sebagai mencuri sebaliknya diistilahkan sebagai 'menculik' dan peruntukan mengenainya terdapat di dalam seksyen 359-369 Kanun Keseksaan.

<sup>10</sup> Ratanlal & Dhirajlal, *The Indian Penal Code*, (t.t), India: Wadhwa and Company Pvt. Ltd. h. 369, Ratanlal & Dhirajlal, (1993), *The Law Of Crimes*, Bharat Law House Pvt. Ltd. h. 1433

<sup>11</sup> *Suri Venkatappayya Sastri Lwn Madula Venkanna*, ILR 27 Mad. 531

<sup>12</sup> *Ramadhin* (1902) 25 All 129

<sup>13</sup> *Dr. Sir Hari Singh Gour, op cit*, h. 3702, Ratanlal& Dhirajlal, *op cit*, h. 1435

### c. Tenaga Elektrik

Di Malaysia, mencuri yang diperuntukkan di bawah seksyen 378 juga tidak termasuk kesalahan mencuri tenaga elektrik, sebaliknya, ia merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Bekalan Tenaga Elektrik 1990. Seksyen 37(3) Akta ini menjelaskan bahawa perbuatan yang termasuk di dalam kategori mencuri termasuklah perbuatan mengabstrak tenaga atau memakai tenaga atau menggunakannya atau mengubah indeks mana-mana meter atau apa jua instrumen lain yang bersambung dengan pemasangan mana-mana bekalan kuasa atau menghalang mana-mana meter atau instrumen daripada merekodkan penggunaan tenaga yang dilakukan dengan apa jua cara secara tidak jujur. Mereka yang telah disabitkan dengan kesalahan ini, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau penjara untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Prinsip yang sama terpakai di India, menurut seksyen 39 Akta Tenaga Elektrik India 1910. Di dalam kes *Avtar Singh*<sup>14</sup> misalnya, Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa tenaga elektrik tidak dianggap sebagai harta yang bolehalih dan jenayah mencuri yang diperuntukkan di bawah seksyen 378 Kanun Keseksaan dengan sendirinya tidak termasuk kesalahan mencuri tenaga elektrik.

### d. Darah

Darah hanya dianggap sebagai harta bolehalih hanya apabila ia berada di dalam bekas simpanannya bagi tujuan pemindahan darah dari seseorang ke seorang yang lain.

---

<sup>14</sup> (1985) 1 Cr. LJ 605

#### e. Pokok

Pokok yang masih tegak berdiri di tempatnya pada asalnya adalah harta yang tidak boleh alih. Oleh kerana itu, perbuatan menjual sesuatu pokok kepunyaan orang lain tanpa kerelaannya, tetapi semasa ianya dijual pokok itu belum lagi ditebang, tidak dianggap sebagai perbuatan mencuri. Meskipun begitu, ia boleh bertukar menjadi harta bolchalih sebaik sahaja ia ditebang atau digerakkan dari tempatnya<sup>15</sup>. Walaubagaimanapun, perbuatan mengambil pokok-pokok komersil atau yang dijual di kedai-kedai atau nursery adalah suatu kesalahan mencuri.

#### f. Air

Air yang mengalir pada asalnya bukanlah harta yang dimiliki seperti air sungai, air laut, air terjun dan sebagainya dan oleh kerana itu, perbuatan mengambilnya tidak dianggap sebagai mencuri. Akan tetapi, sebaik sahaja ianya dialirkan melalui saluran paip dan kemudiannya digunamilik oleh seseorang (tuanpunya), ianya boleh bertukar menjadi harta yang boleh dicuri<sup>16</sup>. Ini bermakna, apabila seseorang mengambil air daripada saluran paip seseorang yang lain secara tidak jujur, maka perbuatannya itu dikatakan sebagai mencuri. Begitulah juga halnya apabila seseorang mencuri air dari empangan air yang dimiliki oleh kerajaan tanpa kebenaran daripada pegawai yang berkenaan adalah dianggap telah melakukan kesalahan mencuri kerana air tersebut adalah di dalam milik kerajaan yang telah pun mengambil langkah-langkah yang patut bagi menjaga, mengawasi dan mengawal penggunaan air itu<sup>17</sup>.

---

<sup>15</sup> Misalan (a) seksyen 378

<sup>16</sup> Lihat Kes *Mahadeo Prasad* (1923) 45 All 680

<sup>17</sup> V.R Manohar, W.W Chitaley, (1980), *The Indian Penal Code*, Nagpur: The All Indian Report Ltd., h.157.

#### g. Ikan di dalam air

Ikan yang masih berada di dalam sungai atau laut atau sebarang aliran air, bebas bergerak ke mana jua. Ikan-ikan ini adalah milik awam dan bukan milik sesiapa (*ferae naturae*)<sup>18</sup>. Tiada sesiapa pun boleh didakwa mencuri ikan-ikan yang berada di tempat-tempat sebegini.

Bagi menentukan samada ikan boleh menjadi harta yang dicuri atau tidak, ianya bergantung kepada samada ikan-ikan itu boleh melepaskan dirinya atau sebaliknya. Sekiranya ia boleh melepaskan dirinya dengan mudah, maka perbuatan mengambilnya tidak dianggap sebagai mencuri. Sebaliknya, jika tuannya ikan telah mengambil langkah yang wajar bagi mengelakkan itu terlepas keluar, maka perbuatan mengambilnya adalah termasuk di dalam kesalahan mencuri<sup>19</sup>. Oleh yang demikian, perbuatan mengambil ikan yang berada di dalam tangki-tangki air hakmilik peribadi atau milik kerajaan atau atau sesuatu pertubuhan seperti Jabatan Perikanan yang sentiasa *tertutup* misalnya, adalah dikatakan sebagai mencuri. Sebaliknya, sekiranya ikan-ikan yang boleh bebas keluar masuk tangki yang *tidak ditutup*, ia tidak dianggap sebagai telah melakukan kesalahan mencuri<sup>20</sup>. Selain itu, paras air di dalam tangki pengairan juga menjadi faktor penentu samada perbuatan mengambil ikan yang terdapat di dalamnya suatu kesalahan mencuri atau tidak. Di dalam situasi di mana paras air menjadi terlalu rendah sehingga tidak memungkinkan ikan-ikan keluar daripada tangki berkenaan, maka perbuatan mengambil mengambilnya adalah suatu kesalahan mencuri. Sebaliknya, apabila paras air menjadi terlalu tinggi sehingga ikan-ikan bebas keluar masuk ke dalam tangki, perbuatan mengambilnya tidak dikatakan mencuri.

<sup>18</sup> Ratanlal & Dhirajlal, *op cit*, h. 1436

<sup>19</sup> *Ibid*, h. 1437

<sup>20</sup> *Ibid*, h.1436-1437, V.R Manohar, W.W Chitaley, *op cit*.

Pendeknya, samada perbuatan mengambil ikan-ikan daripada sebarang tempat simpanan ikan milik peribadi seseorang samada tangki atau kolam atau akuarium atau tangki pengairan dan scumpamanya dikatakan sebagai mencuri atau pun tidak, bergantung kepada sejauh mana langkah-langkah telah diambil oleh pemiliknya bagi mengelakkan ikan-ikan berkenaan daripada melepaskan dirinya.

#### **h. Haiwan**

Binatang yang bebas tidak dimiliki oleh sesiapa (*ferae naturae*). Begitu juga tuan punya tanah tidak mempunyai kepentingan ketuanpunyaan terhadap binatang tersebut walaupun sebagai binatang buruan. Malah, tuanpunya tanah tentunya mempunyai hak untuk mengambil binatang liar dan apabila seekor binatang liar ditangkap atau dibunuh, ia akan menjadi harta tuanpunya dengan segera. Walaubagaimanapun, dia tidak mempunyai kepentingan ketuanpunyaan terhadap binatang tersebut semasa binatang itu bebas berkeliaran<sup>21</sup>. Dengan lain perkataan, seseekor haiwan hanya boleh dianggap sebagai harta yang dimiliki oleh seseorang setelah ianya ditangkap dan dikurung dengan sempurna oleh orang yang menangkapnya<sup>22</sup>. Oleh yang demikian, seandainya seseorang mengambil atau memburu mana-mana haiwan liar yang berada di dalam kawasan tanah kepunyaan seseorang yang lain, maka ia tidak dikatakan melakukan kesalahan mencuri.

Berdasarkan fakta di atas, ertinya, haiwan-haiwan yang dipelihara di dalam zoo negara atau yang ditenak di dalam kandang-kandang binatang ternakan yang dimiliki oleh individu atau sesuatu pertubuhan adalah termasuk di dalam kategori harta yang dimaksudkan oleh seksyen 378 Kanun Keseksaaan sekiranya haiwan-

---

<sup>21</sup> Smith And Hogan, (1996), *Undang-undang Jenayah Bahagian II Jenayah Tertentu* (Terjemahan Aishah Hj Bidin, Raja Rohana Raja Mamat, Choong Yew Chooi), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 298

<sup>22</sup> Ratanlal & Dhirajlal, *op cit*, h.1436, Dr. Sir Hari Singh Gour, *op cit*, h.3700

haiwan berkenaan telah dikurung dengan sempurna. Walaubagaimanapun, persoalan mungkin timbul samada perbuatan mengambil binatang ternakan seseorang semasa haiwan-haiwan berkenaan tidak berada di dalam kurungan dan berkeliaran seperti ayam, itik, lembu, kerbau, kambing dan seumpamanya, termasuk di dalam kesalahan mencuri.

Secara ringkasnya, tiada teori dan garispuandu yang tertentu di dalam menentukan samada sesuatu harta yang dicuri oleh yang tertuduh berada di dalam milik mana-mana orang atau pun tidak, semasa ianya dicuri. Mahkamahlah yang menentukannya, dengan mengambilkira berbagai faktor<sup>23</sup>.

## **1.2 Elemen Kedua: Mengambil harta milik orang lain**

Menurut Kanun Keseksaan, harta boleh alih yang diambil itu juga mestilah sesuatu yang dimiliki oleh orang lain. Oleh itu, harta yang tidak dimiliki oleh sesiapa seperti air yang mengalir pada asalnya, bukanlah harta yang dimiliki misalnya air sungai, air laut, air terjun dan oleh yang demikian tidak termasuk di bawah makna harta menurut seksyen 378 dan perbuatan mengambilnya pula tidak dianggap "mencuri". Selain itu juga, harta terbiar turut tidak termasuk di dalam kategori harta curian kerana ia tidak dimiliki oleh sesiapa. Harta terbiar ialah harta yang pada asalnya mempunyai tuannya tetapi kemudiannya telah dibiarkan. Walaubagaimanapun, bagi menentukan samada sesuatu harta itu terbiar atau pun tidak, mahkamahlah yang akan memutuskannya berdasarkan kepada fakta samada tuannya sesuatu barang itu benar-benar telah membiarkannya atau tidak dan ini bergantung pula kepada niatnya. Ia mungkin berniat untuk membiarkannya tanpa berhasrat untuk memilikinya semula atau mungkin membiarkannya untuk

---

<sup>23</sup> Peiris, (1973), *Offences Under The Penal Code Of Ceylon*, Lakehouse Investment Ltd, h. 426

sementara kerana terpaksa dan berhasrat untuk memilikinya kembali apabila keadaan mengizinkan<sup>24</sup>. Di dalam keadaan yang pertama, harta berkenaan boleh dikategorikan sebagai harta terbiar kerana pemiliknya tidak berhasrat untuk memilikinya semula dan perbuatan mengambilnya tidak dikatakan sebagai mencuri. Sebaliknya, di dalam keadaan di mana pemiliknya hanya membiarkannya untuk sementara waktu serta berhasrat untuk memilikinya semula, harta berkenaan bukanlah harta terbiar sebaliknya masih lagi merupakan milik seseorang dan perbuatan mengambilnya dikatakan sebagai mencuri. Peruntukan ini selari dengan kehendak hukum Islam kerana Islam juga tidak menganggap perbuatan mengambil harta harus<sup>25</sup> dan harta terbiar sebagai suatu perbuatan “mencuri” memandangkan harta bentuk-bentuk ini tidak dimiliki oleh sesiapa dan sesiapa jua berhak mengambil dan menggunakannya.<sup>26</sup>

Selain itu, menurut Kanun Kesenakan seseorang itu tidak dikatakan mencuri apabila ia mengambil harta miliknya sendiri dan ini selari dengan hukum Islam kerana seseorang yang mengambil hartanya sendiri tidak mengambilnya dengan niat yang tidak jujur memandangnya harta berkenaan sememangnya hartanya sendiri. Di dalam kes *Talha & Anor Iwn PP* misalnya, mahkamah telah memutuskan bahawa perbuatan mengambil susu getah daripada pokok-pokok getah yang berada di atas tanah yang telah dibeli daripada pihak lain bukanlah suatu kesalahan mencuri<sup>27</sup>.

---

<sup>24</sup> Dr. Sir Hari Singh Gour, (1998), *The Penal Law of India*, India: Law Publishers Pvt. Ltd, j. 4, h. 3703

<sup>25</sup> Harta harus ialah harta yang pada asalnya tidak mempunyai pemilik dan ia boleh menjadi milik sesiapa sahaja yang mengambil serta menyimpannya

<sup>26</sup> Ibnu Qudāmah, (t.t), *al-Mughnī al-Kabīr*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-‘ wa *Syarh* Arabiyy, j. 10, hlm. 423,424

<sup>27</sup> Lihat (1971) 2 MLJ 167. Di dalam kes ini, Perayu telah didakwa kerana kesalahan mencuri 3 kati susu getah daripada pokok-pokok getah yang terdapat di atas sebidang tanah kepunyaan pihak pengadu. Walaubagaimanapun, di dalam kes ini, perayu telah membuktikan bahawa ia telahpun bersetuju membeli tanah berkenaan daripada pihak pengadu malah telah membayar sejumlah 800 ringgit sebagai wang deposit daripada 1400 ringgit harga sebenar tanah tersebut. Selain itu, baki bayaran telahpun diselesaikan sebelum tarikh penyempurnaan jualbeli. Mahkamah memutuskan

Transaksi jual-beli telah pun terlaksana apabila seseorang menandatangani surat perjanjian jualbeli dan telah membayar wang yang berkenaan meskipun ianya berlaku sebelum daripada tarikh pemindahan hak milik sempurna.

Walaubagaimanapun, menurut Kanun terdapat situasi tertentu di mana perbuatan mengambil harta milik sendiri juga turut dikatakan sebagai “mencuri” yakni apabila seseorang mengambilnya dari seseorang yang lain yang mempunyai hak di sisi undang-undang untuk menyimpan harta tersebut, dengan niat yang curang.<sup>28</sup> Sebagai contoh, apabila harta seseorang berada di dalam simpanan dan kawalan orang lain sebagai cagaran misalnya, Kanun telah memperuntukkan bahawa sekiranya ia mengambil harta itu secara tidak jujur seperti mengambilnya sebelum membayar hutangnya dan tanpa kerelaan pemiliknya (iaitu orang yang menyimpan harta berkenaan), maka perbuatannya itu dikatakan sebagai curi meskipun harta berkenaan adalah hartanya sendiri<sup>29</sup>. Hal ini juga selari dengan hukum Islam. Menurut hukum Islam, walaupun si pengambil mempunyai hak terhadap harta yang diambilnya sekalipun, perbuatannya itu tetap dikatakan sebagai curi apabila ia mengambilnya dengan niat yang tidak jujur serta tanpa kerelaan dari orang yang sedang memilikinya seperti bapa mengambil harta anaknya, fakir mencuri harta yang diwakafkan untuk orang-orang miskin, rakan kongsi mencuri harta syarikatnya, seorang muslim mencuri harta dari baitulmal atau dari harta yang diwakafkan untuk orang-orang Islam. Cumanya, si pencuri hanya akan dikenakan hukuman *ta'zir*.<sup>30</sup>

---

bahawa perayu tidak bersalah kerana ia mempunyai hak ke atas tanah tersebut dan oleh yang demikian tidak mengambil susu getah berkenaan secara tidak jujur.

<sup>28</sup> Lihat Misalan (j) dan (k)

<sup>29</sup> Lihat kes *Lai Chan Ngiang lwn PP* (1930) 1 JLR 30. Di dalam kes ini, perayu telah mengambil beberapa batang kayu kain ela dari kedai pihak pengadu sebagai cagaran kepada hutang pihak pengadu yang masih belum dibayar. Mahkamah memutuskan bahawa perbuatan perayu itu tidak termasuk di dalam ertikata mencuri kerana ia dilakukan tanpa niat yang curang. Lihat Misalan (j) dan (k) sek. 378

<sup>30</sup> al-Zarqānī, *op cit*, hlm. 97, lihat juga 'Abd al-Qādir 'Awdah, *op cit*, hlm. 593



Persoalan tentang milik ini sememangnya memainkan peranan yang cukup penting samada di dalam undang-undang sivil mahupun undang-undang jenayah kerana ia merupakan asas bagi sebarang tindakan sivil terhadap kesalahan menceroob dan kesalahan mencuri di dalam undang-undang jenayah. Pemilikan boleh jadi di dalam bentuk milik hakiki (*de facto*) atau pun pemilikan yang diiktiraf dan dilindungi oleh undang-undang (*de jure*). Pemilikan *de facto* adalah pemilikan dalam bentuk penyimpanan atau kawalan secara fizikal semata-mata. Sebagai contoh, seseorang pembantu rumah hanya memiliki harta majikannya secara *de facto* sahaja kerana pemilik sebenarnya adalah majikannya. Manakala pemilikan *de jure* pula adalah suatu bentuk pemilikan yang konstruktif atau dengan lain perkataan, pemilikan yang sah di sisi undang-undang. Menurut Fitzgerald, seseorang yang memiliki sesuatu harta mungkin diiktiraf oleh undang-undang sebagai pemilik sesuatu harta meskipun secara fizikalnya harta berkenaan tidak berada di bawah kawalannya<sup>31</sup>.

Di dalam Kanun Keseksaan, persoalan mengenai 'milik' ini sebenarnya masih boleh mengelirukan<sup>32</sup> kerana terdapat keadaan-keadaan tertentu di mana sukar untuk menentukan bahawa harta yang dicuri berada di dalam milik siapa semasa ianya dicuri. Sebagai contoh, seseorang yang mengadakan jamuan makan misalnya adalah pemilik kepada semua pinggan, sudu atau apa-apa jua alat-alat yang digunakan di dalam majlis berkenaan. Persoalannya, semasa peralatan tersebut sedang digunakan oleh para tetamu, siapakah sebenarnya pemilik barang berkenaan: pemilik asalnya atau tetamunya? Walaubagaimanapun, jika dilihat kepada peruntukan yang terkandung di bawah seksyen 27, jawapan kepada persoalan ini mungkin dapat dijelaskan iaitu: apabila sesuatu barang berada di dalam milik seseorang secara

<sup>31</sup> KL Koh, CMV Clarkson, NA Morgan (1989), *Criminal Law in Singapore and Malaysia*, Singapore: Malayan Law Journal Pvt. Ltd, h. 532

<sup>32</sup> Lihat Atchuthen Pillai, (1983), *Criminal Law*, Bombay: N.M. Tripathi Private Limited, h. 675

fizikalnya, ia dikatakan memiliki barang tersebut. Begitulah juga halnya, walaupun barang itu telah keluar daripada miliknya secara fizikal tetapi masih mempunyai kuasa ke atas barang tersebut, maka barang berkenaan masih lagi dikatakan berada di dalam miliknya<sup>33</sup>. Namun begitu, persoalan ini masih kabur kerana seksyen 27 juga tidak menjelaskan siapakah yang dimaksudkan dengan “seseorang yang memiliki secara fizikal” dan “seseorang yang mempunyai kuasa” ke atas barang berkenaan. Kesamaran ini boleh diatasi sekiranya seksyen 378 Kanun Keseksaaan Malaysia menjelaskan siapakah yang dimaksudkan dengan pemilik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 378 Pakistan Penal Code (XLV 1860) yang ternyata lebih jelas dan tidak mengelirukan di mana ianya menyebut bahawa:

“...[S]uch property belonging to another person as owner, mortgagee, custodian, trustee or administrator or in any other capacity entitling him to a legal claim....”

Apa yang dijelaskan oleh peruntukan ini ialah, ‘pemilik’ yang dimaksudkan termasuklah pemilik sebenar harta yang dicuri atau mereka yang diberi kuasa oleh undang-undang ke atas harta berkenaan seperti pemegang amanah, pentadbir harta, penjaga, penerima cagaran dan apa juga kapasiti lain yang memberi seseorang hak untuk membuat tuntutan.

### 1.3 Elemen Ketiga: Mengambil Harta Tanpa Kerelaan Pemiliknya

Kesalahan mencuri dikatakan berlaku hanya apabila sesuatu harta diambil tanpa kerelaan daripada si pemilik. Kerelaan yang tersebut dalam takrif mencuri boleh jadi kerelaan yang nyata atau yang disifatkan ada dan boleh diberi oleh orang yang memiliki atau mana-mana orang yang mempunyai kuasa memberi kerelaan samada yang nyata atau yang disifatkan ada (*express or implied*)<sup>34</sup>. Oleh itu, sekiranya pemilik merelakan perbuatan si pesalah mengambil hartanya, pesalah tidak dianggap telah melakukan kesalahan mencuri meskipun semasa ia mengambil

<sup>33</sup>KL Koh, CMV Clarkson, NA Morgan, *op cit*.

<sup>34</sup> Lihat Huraian 5 seksyen 378

harta itu dia percaya bahawa si pemilik tidak merelakan perbuatannya itu<sup>35</sup>. Di dalam kes *Che Man Bin Che Mud lwn PP*<sup>36</sup> misalnya, mahkamah telah memutuskan bahawa tertuduh tidak melakukan kesalahan mencuri memandangkan cek berjumlah RM22.2 juta yang telah ditunaikan oleh perayu hasil daripada pecah amanah yang dilakukan oleh seseorang yang lain, adalah **dengan persetujuan** Bank Bumiputera apabila BBMB membuat bayaran sebanyak 22.2 juta ringgit kepada perayu. Sedangkan, ini bertentangan dengan seksyen 378 yang mensyaratkan perbuatan mencuri hanya berlaku apabila seseorang mengambil harta tanpa persetujuan dan kerelaan daripada pemiliknya.

Walaupun bagaimanapun, seseorang yang mencuri harta orang lain dengan kerelaan orang itu di dalam keadaan salahfaham tentang nyataan adalah dianggap telah melakukan kesalahan mencuri kerana ia dikira sebagai mencuri tanpa kerelaan si pemilik kepada harta tersebut<sup>37</sup>. Namun begitu, masalah mungkin timbul di dalam kes-kes, di mana si pemilik harta yang dicuri telah memberikan kerelaan terhadap pengasingan hartanya bagi memudahkan lagi proses mencuri hartanya itu, dengan tujuan untuk mengesan dan memerangkap si pencuri sedangkan kerelaannya itu tidak diketahui langsung oleh si pencuri. Di India misalnya, di dalam kes *Empress lwn Troylukho Nath Chowdry*<sup>38</sup>, mahkamah telah memutuskan, bahawa yang dituduh tidak melakukan kesalahan mencuri, kerana harta berkenaan dicuri dengan pengetahuan dan kerelaan daripada si pemilik dengan tujuan memerangkap si pencuri, sebaliknya ia dianggap sebagai telah melakukan kesalahan bersubhat

---

<sup>35</sup> KL Koh, CMV Clarkson, NA Morgan, *op cit*, h. 539, Lihat juga kes di India, *Mehra* (1957) S.C 359

<sup>36</sup> (1994) 4 CLJ 823

<sup>37</sup> Seksyen 90 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa, sekiranya kerelaan diberikan oleh seseorang di dalam keadaan takutkan sesuatu bencana atau di dalam keadaan salahfaham tentang nyataan dan jika orang yang melakukan perbuatan itu mengetahui atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi oleh sebab ketakutan atau salah faham itu, maka kerelaan itu bukanlah kerelaan yang dimaksudkan oleh Kanun. Lihat juga misalan (m), (n) dan (o) seksyen 378.

<sup>38</sup> (1878) WLR 310

untuk mencuri. Walaubagaimanapun, di dalam satu kes yang lain pula, pendirian mahkamah nampaknya berbeza dengan kes yang lalu, iaitu di dalam kes *Packeer Ally Iwn Savarimuthu*<sup>39</sup>. Tertuduh telah menghasut seorang penjaga stor sebuah estet untuk mencuri getah-getah estet itu di mana hasil jualannya nanti akan dibahagi-bahagikan samarata. Penjaga stor itu pula telah melaporkan hal tersebut kepada superintendan, lalu superintendan itu telah memberi kebenaran kepada penjaga stor untuk membiarkan tertuduh membawa keluar getah-getah dan mengarahkannya supaya mengekori dan mengintip ke mana dan kepada siapa si tertuduh menjual getah-getah berkenaan. Di dalam kes ini, mahkamah telah memutuskan, bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan mencuri, kerana berdasarkan kepada seksyen 378, niat yang tertuduh adalah unsur yang lebih utama dan dominan di dalam seksyen ini daripada kerelaan orang yang hartanya dicuri. Ini bererti, di dalam kes-kes seperti ini, kerelaan yang diberikan adalah tidak berkenaan dan si pencuri adalah dikatakan telah melakukan kesalahan mencuri berdasarkan kepada niatnya yang curang semasa mengambil harta tersebut.

Daripada kes-kes di atas, jelaslah, bahawa mahkamah sememangnya menghadapi masalah di dalam mengendalikan kes-kes pemerangkapan. Di dalam kes-kes sebegini, undang-undang sepatutnya membezakan di antara perancangan yang diatur sendiri oleh tuannya harta dengan perancangan yang diatur dan dirancang sendiri oleh si pencuri. Di dalam keadaan yang pertama, mahkamah patut menganggap bahawa terdapat kerelaan dari tuannya manakala bagi keadaan yang kedua pula, kerelaan patut dianggap tidak wujud dan si pencuri sepatutnya didakwa atas kesalahan mencuri dan bukan di atas kesalahan bersubahat untuk mencuri<sup>40</sup>.

---

<sup>39</sup> (1916) 2 CWR 216

<sup>40</sup> KL Koh, CMV Clarkson, NA Morgan, *op cit*, h. 540

#### 1.4 Elemen Keempat: Menggerakkan Harta Dengan Tujuan Hendak Mengambilnya

Sesuatu perbuatan itu dianggap sebagai kesalahan mencuri hanya apabila perbuatan menggerakkan harta orang lain dilakukan dengan niat yang curang. Oleh itu, mahkamah perlu memastikan samada pada masa perbuatan menggerakkan harta yang dicuri itu, harta tersebut berada di dalam milik orang lain dan ianya telah digerakkan dengan niat yang curang<sup>41</sup>. Menurut Kanun Keseksaan, perbuatan curi dianggap telah berlaku memadai hanya dengan menggerakkan harta yang diambil itu daripada tempat asalnya. Ianya tidak semestinya telah dibawa keluar daripada tempat asalnya<sup>42</sup>. Dari aspek ini, elemen ini sesuai dengan peruntukan hukum Islam. Bezanya, majoriti *fuqahā'* kecuali Ibn Ḥazm berpendapat perbuatan menggerakkan harta semata-mata tanpa mengeluarkannya dari tempat simpanan hanya layak dikenakan hukuman *ta'zīr* dan bukan dengan hukuman *ḥadd*.<sup>43</sup> Sebagai contoh, hal ini dapat dilihat di dalam kes *PP lwn Amat Bin Ali & Anor*<sup>44</sup> apabila mahkamah memutuskan bahawa perbuatan menggerakkan tangki berisi petrol dengan niat untuk mencuri memadai untuk disabitkan dengan kesalahan mencuri yang dilakukan oleh seorang pekerja terhadap harta majikannya. Kenyataan yang sama juga dapat dilihat di dalam kes *Raja Mohamed lwn PP*<sup>45</sup>. Di dalam kes ini, tertuduh telah didakwa mencuri sedozen gelas kaca daripada kilang tempat di mana ia bekerja setelah ia dijumpai sedang menggerakkan gelas-gelas berkenaan dari tingkat bawah ke tingkat satu. Mahkamah telah memutuskan, bahawa kesalahan mencuri dikatakan telah berlaku memadai dengan hanya menggerakkan barang curian berkenaan dengan

<sup>41</sup> Suresh Narain, Mulla, Gupta Cheda Lal. (1983), *The Indian Penal Code*, Allahabad: Law Book Company, j. 2, h. 1409

<sup>42</sup> Ratanlal and Dhirajlal, (1987), *Law Of Crimes*, New Delhi: Bharat Law House, h. 1445, Lihat juga misalan (a) bagi seksyen 378, Kanun Keseksaan

<sup>43</sup> Ibnu Qudāmah, (t.t), *al-Mughnī al-Kabīr*, Kaherah: Dār al-Kitāb al- wa Syarḥ Arabiyy, j. 10, h. 249, 259, al-Syīrāzī, (t.t), *al-Muḥadhdhab*, Mesir: Dār al-Fikr, j. 2, h. 295&297, al-Kasānī, (1982), *Badāi' al-Ṣanāi'*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabiyy, j. 7, h. 65, al-Zarqānī, (t.t), *Syarḥ al-Zarqānī*, Mesir: Dār al-Fikr, j. 4, h. 98, Ibnu Ḥazm, (t.t), *al-Muḥallā*, T.T.P: Dār al-Fikr, j. 8, h. 319, 337

<sup>44</sup> (1955) 21 MLJ 74

<sup>45</sup> (1963) 29 MLJ 339 Mahkamah Tinggi, Singapore

tujuan untuk mencuri dan tidak semestinya telah menggerakkan barang tersebut keluar daripada milik pemiliknya. Daripada kes-kes ini, dapatlah disimpulkan bahawa, bagi kesalahan mencuri, perbuatan menggerakkan barang curian mestilah disertai dengan niat yang tidak jujur<sup>46</sup>. Perlu juga ditekankan di sini bahawa, unsur penting bagi kesalahan mencuri adalah, perbuatan menggerakkan harta keluar daripada milik pemiliknya dengan niat yang curang dan bukannya perbuatan memasukkan harta tersebut ke dalam milik yang dituduh<sup>47</sup>.

Berhubung dengan perbuatan 'menggerakkan' juga, ianya boleh juga berlaku hanya dengan sebab menggerakkan sesuatu harta tanpa menyentuh harta berkenaan seperti perbuatan seseorang menggerakkan seekor haiwan yang sedang membawa barang atau harta tertentu<sup>48</sup>. Namun begitu, ini tidak terpakai kepada kes-kes yang melibatkan perbuatan menggerakkan sesuatu yang lain daripada haiwan. Di samping itu juga, perbuatan mencuri juga mungkin berlaku dengan melakukan sesuatu yang menyebabkan sesuatu benda bergerak dengan cara membuang sesuatu rintangan yang menahan benda itu daripada bergerak atau dengan cara menceraikan benda itu daripada apa-apa benda lain serta juga dengan cara menggerakkan benda itu sendiri<sup>49</sup>. Menurut hukum Islam, seseorang pencuri dikatakan telah mengeluarkan barang curian daripada tempat simpanannya samada dengan cara melakukannya sendiri (*mubāsyarah*) seperti memikul, membawa keluar, melempar, menelan atau sebarang perbuatan yang secara langsung telah menyebabkan ia keluar daripada tempat simpanannya<sup>50</sup> atau dengan cara menyebabkan (*tasabbub*) barang

---

<sup>47</sup> Rajesh Tandon, (1982) *Indian Penal Code*, Allahabad: Allahabad Law Agency, h. 310

<sup>48</sup> Huraian 4 sek. 378. Lihat juga misalan (b) dan (c)

<sup>49</sup> Huraian 3 seksyen 378

<sup>50</sup> Ibnu Qudāmah, *op cit.*, j. 10, h. 259

itu keluar seperti menyuruh orang lain mengeluarkannya daripada tempat simpanan.<sup>51</sup>

Secara ringkasnya, dapatlah dikatakan di sini bahawa elemen 'menggerakkan' di bawah sek. 378 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan bahawa perbuatan 'menggerakkan' barang curian dikatakan telah berlaku samada melalui perbuatan menggerakkan secara langsung oleh si pencuri atau pun secara menyebabkan pergerakan berkenaan adalah sinergi dengan hukum Islam. Yang penting, di dalam kesemua situasi berkenaan perbuatan 'menggerakkan' mestilah disertai dengan niat yang curang.

### 1.5 Elemen Kelima: Mengambil Harta Dengan Niat yang Curang

*Mens rea* bagi kesalahan mencuri menurut seksyen 378 Kanun Keseksaan dapat dilihat di dalam ungkapan "*barang siapa yang bermaksud hendak mengambil dengan curang...*" yang membawa erti, sesuatu pengambilan itu hanya dikatakan sebagai curi hanya apabila ia dilakukan dengan niat yang curang atau secara tidak jujur.

Pengertian "dengan curang" yang digunakan di dalam Kanun terkandung di dalam seksyen 24 Kanun Keseksaan. Istilah ini mengkehendaki sesuatu pengambilan dilakukan dengan niat untuk menyebabkan sesuatu keuntungan kepada seseorang ataupun kerugian kepada seseorang yang lain melalui cara yang salah di sisi undang-undang. Yang pasti, sesuatu perbuatan tidak dikatakan salah melainkan apabila ia dilakukan melalui cara yang salah. Oleh yang demikian, 'dengan curang' membawa erti: a) Menggunakan saluran atau cara yang salah di sisi undang-undang

---

<sup>51</sup> *Ibid*, h. 260

dan b) untuk memperolehi sesuatu keuntungan atau menyebabkan kerugian sedangkan ia tidak mempunyai sebarang hak di sisi undang-undang untuk menyebabkan hal itu dan c) Berniat untuk menggunakan saluran atau cara berkenaan dengan niat untuk menyebabkan keuntungan atau kerugian tersebut<sup>52</sup>. Demikianlah juga halnya dengan undang-undang Islam. Menurut 'Abd al-Qādir 'Awdah, apa-apa tindakan mengambil harta orang lain untuk dimiliki secara diam-diam tidak dikatakan sebagai curi melainkan apabila sempurna niat untuk mencuri pada diri tertuduh. Ertinya, ujian untuk menentukan kewujudan niat ada tiga iaitu; pertama, tanpa pengetahuan dan kerelaan dari mangsa, kedua, tertuduh mengetahui bahawa perbuatannya itu dilarang atau dengan kata lain salah di sisi hukum syarak dan ketiga, ia berniat untuk memiliki harta tersebut. Oleh kerana itulah, perbuatan mengambil harta sendiri tidak dikatakan "mencuri" kerana ketiadaan niat untuk memilikinya disebabkan harta berkenaan sememangnya miliknya sendiri.

Mengambil sesuatu yang disangkakan miliknya atau disangkakan harta harus atau harta terbiar tidak dikatakan sebagai perbuatan mengambil dengan curang. Peruntukan ini juga sesuai dengan kehendak hukum Islam memandangkan Islam juga tidak menganggap ianya sebagai "mencuri" kerana tidak wujudnya niat untuk mencuri (atau tidak mempunyai niat yang curang) semasa mengambilnya disebabkan oleh sangkaannya itu.<sup>53</sup> Hal ini dapat diperjelaskan oleh kes-kes berikut. Di dalam kes *Munandu lwn PP*<sup>54</sup> misalnya, Perayu telah didakwa kerana kesalahan mencuri sebuah basikal di bawah seksyen 379 dan dikenakan hukuman denda sebanyak 300 ringgit dan jika gagal boleh dikenakan hukuman penjara 3 bulan. Di dalam kes rayuannya, perayu menyatakan bahawa dia telah tersilap mengambil

<sup>52</sup> Lihat seksyen 24 dan seksyen 23 Kanun Keseksaan. Lihat juga Koh Kheng Lian, Molly Cheang, (t.t), *The Penal Codes Of Singapore And Malaysia, Cases and Materials*, Quins Pte. Ltd., h. 307

<sup>53</sup> 'Abd al-Qādir 'Awdah, *op cit*, hlm. 608-609

<sup>54</sup> (1984) MLJ LEXIS 487



basikal berkenaan yang disangkakan adalah basikal kepunyaannya sendiri. Ekoran dari itu, mahkamah telah memutuskan bahawa perayu tidak bersalah kerana dia sememangnya secara suci hati percaya bahawa basikal berkenaan adalah miliknya sendiri dan dengan itu, tidak mengambilnya secara tidak jujur. Di dalam kes yang lain, *Talha & Anor. lwn PP*<sup>55</sup> perayu telah didakwa di mahkamah majistret kerana kesalahan mencuri 3 kati susu getah dari pokok-pokok getah yang terdapat di atas tanah kepunyaan pihak pengadu. Di dalam rayuannya, pihak perayu telah membuktikan bahawa dia telah pun bersetuju untuk membeli tanah berkenaan dari pihak pengadu malahan telahpun membayar 800 ringgit daripada 1400 ringgit sebagai bayaran deposit dan melunaskan bayaran sepenuhnya sebelum daripada tarikh jualbeli disempurnakan. Di dalam kes ini, isu dengan curang telah diktengahkan. Mahkamah telah memutuskan bahawa perayu tidak mengambil susu getah tersebut secara tidak jujur kerana apa yang diambilnya adalah merupakan sesuatu yang ia berhak mengambilnya. Walaupun pengadu adalah pemilik berdaftar, namun ia bukan lagi 'beneficial owner' tanah tersebut.

Menurut Hari Singh Gour di dalam bukunya *The Penal Law of India*<sup>56</sup>, kehilangan atau keuntungan itu pula, tidak semestinya dalam bentuk perolehan atau penafian yang kekal malah memadai hanya dengan menyimpan harta berkenaan secara sementara oleh orang yang menyebabkan keuntungan itu. Dalam masa yang sama, tuan hak itu dinafikan daripada hartanya secara sementara oleh orang yang menyebabkan kehilangan tersebut. Dengan kata lain, perbuatan mencuri dikatakan telah berlaku walaupun tertuduh berhasrat untuk memulangkan atau menggantinya semula<sup>57</sup>. Ini bermakna, walaupun seseorang itu mengambil sesuatu barang

---

<sup>55</sup> (1971) 2 MLJ 167

<sup>56</sup> Hari Singh Gour, (1999). *The Penal Law Of India*, Allahabad: Law Publishers Private Limited, Vol. 4, h. 3267 dan lihat juga misalan (i) seksyen 378

<sup>57</sup> Lihat Huraian 2 seksyen 378 Kanun Keseksaan

kepunyaan orang lain hanya untuk sementara waktu sahaja dengan niat untuk memulangkannya semula, ia masih dikatakan telah mencuri di dalam ertikata seksyen 378. Hal ini jelas dapat dilihat di dalam kes *Ward lwn PP*<sup>58</sup> apabila mahkamah memutuskan bahawa perayu tetap bersalah kerana mencuri daripada rumah kediaman meskipun semasa mengambil barang berkenaan perayu berniat untuk meminta kebenaran daripada pemiliknya kemudian dan berniat pula untuk memulangkannya sekiranya pemilik kepada barang berkenaan mengkehendakinya semula. Mahkamah telah merujuk kepada kes India iaitu *Sri Churn Chungo*<sup>59</sup> di mana mahkamah telah memutuskan bahawa perbuatan mengambil sesuatu harta kepunyaan orang lain dengan niat yang curang adalah merupakan suatu kesalahan mencuri walaupun orang yang mengambil itu tidak berhasrat untuk menyimpannya untuk dirinya sendiri atau pun berhasrat untuk menyimpan atau menggunakannya untuk sementara waktu mahupun secara kekal. Pendirian yang sama juga telah diambil oleh mahkamah di dalam kes *PP lwn Ramiah & Ors.*<sup>60</sup>, apabila mahkamah memutuskan bahawa, walaupun tertuduh yang pertama telah mengambil harta pihak pengadu dengan niat agar pengadu akan membayar hutangnya serta berhasrat pula untuk memulangkan harta berkenaan setelah pengadu melunaskan hutangnya itu, namun menurut mahkamah, ada kemungkinan tertuduh tidak memulangkannya semula seandainya pihak pengadu gagal menjelaskan hutangnya itu. Tertuduh sepatutnya membuat tuntutan di mahkamah sivil dan bukannya mencuri.

Dengan lain perkataan, dapatlah dikatakan di sini bahawa menurut Kanun Keseksaan mengambil harta orang lain dengan curang walaupun ada niat untuk mengembalikannya semula juga dikatakan sebagai curi. Dari aspek ini, Kanun Keseksaan agak bercanggah dengan peruntukan hukum Islam kerana Islam tidak

<sup>58</sup> (1953) 19 MLJ 153

<sup>59</sup> (1895) ILR 22 Cal. 1021

<sup>60</sup> (1959) MLJ 204

menganggap perbuatan mengambil harta orang lain dengan niat hanya untuk melihat-lihat atau menggunakannya untuk sementara waktu serta berhasrat untuk mengembalikannya semula kepada pemiliknya sebagai curi.<sup>61</sup>

Satu lagi persoalan timbul apabila membicarakan isu 'dengan curang' ini. Seandainya seseorang mengambil sesuatu barang di dalam keadaan dia yakin dan percaya bahawa pengambilan itu diiktiraf oleh undang-undang, adakah perbuatannya itu dikatakan sebagai mencuri? <sup>62</sup>. Bagi menjawab persoalan ini, analisa telah dibuat terhadap keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah di dalam beberapa kes. Di dalam kes *Rex lwn Lim Soon Gong & Ors*<sup>63</sup>, mahkamah telah memutuskan bahawa perbuatan mengambil sesuatu harta berdasarkan kepercayaan bahawa ia mempunyai hak untuk mengambilnya atau mempercayai bahawa harta berkenaan tidak dimiliki oleh sesiapa atau pun harta yang terbiar bukanlah merupakan kesalahan mencuri. Ini kerana, di dalam kes-kes sebegini, *mens rea* tidak wujud. Begitu juga, perbuatan menebang beberapa batang pokok nibong kepunyaan orang lain tanpa keizinan daripada pemiliknya bukanlah suatu kesalahan mencuri sekiranya ianya dilakukan dengan keyakinan bahawa pemilik kepada pokok berkenaan pasti akan membenarkan perbuatannya itu, lebih-lebih lagi apabila si pengambil percaya bahawa ia mempunyai hak ke atas pokok-pokok berkenaan<sup>64</sup>. Perbuatan mengambil harta seseorang tanpa kerelaannya untuk dijadikan sebagai cagaran terhadap hutangnya juga tidak dianggap sebagai mencuri. Hal ini dapat dilihat di dalam kes *Lai Chang Ngiang lwn PP*<sup>65</sup> apabila mahkamah memutuskan bahawa perbuatan perayu mengambil beberapa batang kayu kain ela daripada kedai

---

<sup>61</sup> Abd al-Qādir 'Awdah, *op cit*, h. 608-609

<sup>62</sup> Untuk ilustrasi, lihat misalan (p) bagi seksyen 378 Kanun Keseksaan

<sup>63</sup> (1993) MLJ 10 di h. 12

<sup>64</sup> lihat kes *Tsen Er Fook lwn R* (1953) SCR

<sup>65</sup> (1930) 1 JLR 30

pihak pengadu sebagai cagaran kepada hutang pihak pengadu bukanlah suatu kesalahan mencuri kerana pengambilan berkenaan dilakukan tanpa niat yang curang.

Daripada kes-kes ini, jelasnya Kanun Keseksaan tidak menganggap perbuatan mengambil sesuatu harta dengan kepercayaan ia mempunyai hak di sisi undang-undang untuk memilikinya atau menafikan seseorang daripada memilikinya sebagai suatu kesalahan mencuri. Walaubagaimanapun, di dalam mengemukakan alasan bahawa seseorang itu telah mengambil sesuatu harta kerana mempercayai bahawa ia mempunyai hak di sisi undang-undang untuk mengambil sesuatu harta itu, alasan yang dikemukakan hendaklah merupakan alasan yang jujur dan dilakukan secara suci hati<sup>66</sup>. Di dalam kes *Sanyasi Apparao lwn Bodepalli Lakshminarayawa*<sup>67</sup> mahkamah telah memutuskan bahawa, kepercayaan terhadap hak di sisi undang-undang boleh dijadikan alasan pembelaan yang kukuh. Namun begitu, tuntutan hak ini haruslah disertai dengan bukti-bukti yang kukuh dan hanya boleh dituntut berdasarkan salah satu daripada tiga alasan berikut iaitu: pertama, kerana pihak yang menuntut adalah pemunya kepada barang yang diambil dan dia tidak pernah melepaskan haknya terhadap pemilikan dan kepemunyaan kepada orang lain. Kedua, kerana pihak yang menuntut percaya dengan suci hati bahawa dia adalah pemunya kepada barang yang diambil dan tidak pernah melepaskan hak pemilikannya itu. Ketiga, kerana barang itu adalah kepunyaan seseorang yang lain atau pihak yang menuntut percaya dengan suci hati bahawa pemunya kepada barang tersebut adalah seseorang yang lain dan ia menuntut hak pemilikan bagi pihak orang

---

<sup>66</sup> Suresh Narain Mulla, Gupta Cheda Lal, *op cit*, h. 1408

<sup>67</sup> (1962) AIR S.C 586

lain itu<sup>68</sup>. Selain alasan-alasan ini, tuntutan mestilah dilakukan dengan suci hati iaitu melakukan sesuatu dengan hemat dan cermat yang semestinya<sup>69</sup>.

Menurut Nigam, "hemat dan cermat yang semestinya" bergantung kepada tiga faktor, iaitu tabiat perbuatan yang dilakukan oleh yang dituduh, magnitud dan kepentingan perbuatannya itu serta kemudahan yang ada padanya untuk melaksanakan sesuatu hemat dan cermat<sup>70</sup>. Dr. Sir Hari Singh Gour pula berkata, ianya masih bersifat objektif. Seseorang yang dituduh dengan kesalahan mencuri harus dibicarakan berdasarkan kebolehan, kemahiran dan tahap pelajaran yang ada serta keadaan dirinya<sup>71</sup>. Bagi menjelaskan lagi apa yang dimaksudkan dengan 'suci hati' ini, kes *Sittabai Purshottam lwn Emperor*<sup>72</sup> dapat membantu. Di dalam kes ini, pihak tertuduh (penjual) telah menjual sebuah bot tunda kepada Pihak Yang Mengadu dan telah pun menerima sebahagian daripada bayaran harga pembelian. Tertuduh telah merampas bot tunda tersebut daripada Pihak Yang Mengadu apabila Pihak Yang Mengadu gagal menjelaskan baki bayaran bagi harga pembelian tersebut. Walaubagaimanapun, sebelum dia merampasnya, tertuduh telah pun meminta peguamnya untuk menulis surat kepada Pihak Yang Mengadu untuk memberitahunya, sekiranya ia gagal menjelaskan baki hutangnya itu, kontrak jualbeli akan dibatalkan. Mahkamah telah memutuskan, bahawa yang dituduh tidak bersalah kerana kesalahan mencuri, disebabkan tidak terdapat sebarang niat yang curang padanya semasa merampas bot tunda berkenaan. Bahkan, perbuatan itu telah dilakukan dengan suci hati, dengan cara meminta nasihat daripada peguamnya

---

<sup>68</sup> Dr. Sir Hari Singh Gour, (1999), *Penal Law Of India*, Law Publishers (India) Pvt. Ltd. , 11<sup>th</sup> edition, h. 3704

<sup>69</sup> Lihat Kanun Keseksaaan seksyen 52 untuk takrif "suci hati". Hal ini dapat dijelaskan lagi oleh Misalan (p) seksyen 378. Walaubagaimanapun, Kanun Keseksaaan tidak pula memperuntukkan apakah yang dimaksudkan dengan "hemat dan cermat yang semestinya"

<sup>70</sup> Nigam . (1965)*Law Of Crime In India*, Allahabad: Law Publishers Private Limited, h. 308

<sup>71</sup> Dr. Sir Hari Singh Gour, *op cit*, j. 1, h. 350

<sup>72</sup> (1931) 32 Cr. LJ. 287

sebelum merampas bot tersebut. Jelasnya di dalam kes ini, mahkamah telah pun terlebih dahulu mempertimbangkan samada perbuatannya itu telah dilakukan dengan suci hati atau tidak, sebelum membuat keputusan bahawa perbuatan mengambil harta orang lain di atas kepercayaan bahawa ia mempunyai hak untuk mengambil harta berkenaan. Sebaliknya, jika kes *Lai Chan Ngiang lwn PP*<sup>73</sup> diteliti, didapati perayu telah gagal mengambil sebarang langkah yang patut sebelum membuat keputusan untuk mengambil kain-kain berkenaan daripada kedai pihak pengadu sebagaimana langkah yang telah diambil oleh perayu di dalam kes *Sittabai Purshottam*. Keputusan yang dibuat oleh mahkamah hanyalah berdasarkan alasan bahawa tindakan perayu itu adalah sekadar menuntut haknya semata-mata yang mana ini dengan sendirinya telah menafikan kewujudan niat yang curang semasa mengambil harta berkenaan, tanpa terlebih dahulu meneliti samada tindakannya itu telah pun dibuat dengan suci hati atau sebaliknya.

Apabila hal ini dirujuk kepada ketetapan hukum jenayah Islam, ianya ternyata tidak selari dengan kehendak Islam kerana ia tetap menganggap perbuatannya itu sebagai curi walaupun tertuduh percaya bahawa ia mempunyai hak di sisi undang-undang untuk mengambil harta berkenaan. Pendirian mahkamah yang menganggapnya sebagai perbuatan curi hanya apabila tertuduh tidak melakukannya secara suci hati hanya akan membuka ruang yang lebih luas untuk seseorang menggunakan alasan berkenaan bagi sesuatu tujuan yang tidak jujur dan mendorong seseorang agar tidak menggunakan saluran yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Ketetapan hukum Islam mengenai hal ini adalah lebih jelas dan wajar untuk diikuti. Walaupun ianya tetap dikatakan curi, namun kewujudan haknya di dalam harta berkenaan akan dapat membantu meringankan hukuman ke atas pesalah iaitu

---

<sup>73</sup> *Supra*, n.163 di h. 63

dikenakan hukuman *ta'zīr* semata-mata. Ketetapan hukum Islam ini jelas menunjukkan bahawa Islam sangat memandang serius terhadap perbuatan mengambil harta orang lain secara sembunyi-sembunyi meskipun tertuduh mempunyai hak ke atas harta yang dicuri atau percaya bahawa ia mempunyai hak di sisi undang-undang untuk menafikan pemilik harta berkenaan terhadap harta yang dicurinya itu.

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa pada umumnya elemen-elemen perbuatan curi *prima facie* menurut Kanun Keseksaan yang terkandung di bawah seksyen 378 adalah selari dengan elemen-elemen curi yang dikehendaki oleh Islam. Walaubagaimanapun, di dalam aspek yang tertentu sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat sedikit percanggahan di antara pendirian mahkamah dengan kehendak hukum Islam. Yang jelas, ketetapan yang diperuntukkan oleh hukum Islam lebih sesuai dan wajar untuk diterimapkai berdasarkan alasan yang telah pun dikemukakan.

Walaubagaimanapun dari segi perincian setiap elemen berkenaan terdapat sedikit percanggahan di antara kedua undang-undang ini. Menurut Kanun Keseksaan, bagi satu-satu isu yang timbul di dalam satu-satu kes yang tiada sebarang peruntukan atau penerangan mengenainya, kebanyakan tafsiran dibuat oleh mahkamah tanpa suatu panduan yang jelas. Implikasinya, mahkamah sering menghadapi kesukaran dan tidak konstan di dalam tafsiran yang dibuatnya. Sebaliknya, di dalam hukum Islam perincian ini amat besar artinya kerana ianya memberi implikasi yang cukup besar terhadap jenis hukuman yang bakal diterima oleh pesalah samada *hadd* atau *ta'zīr*. Islam telah menggariskan secara jelas syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi setiap elemen yang diperuntukkannya. Walaupun

*fuqahā'* mempunyai pandangan yang berbeza-beza di dalam perincian syarat-syarat berkenaan, namun panduan yang jelas dapat dirujuk oleh pihak mahkamah bagi memilih pandangan yang paling relevan dengan perkembangan semasa.

Terdapat beberapa perkara menarik yang tidak wujud di bawah Kanun Keseksaan tetapi terdapat di dalam hukum Islam. Bagi harta yang diambil misalnya, selain mensyaratkannya dari kalangan harta bolehalih, Islam juga turut meletakkan pelbagai syarat yang lain iaitu harta yang dicuri haruslah mencapai nilai yang tertentu<sup>74</sup> serta dianggap bernilai bagi semua orang<sup>75</sup>, berada di dalam tempat simpanannya semasa ianya dicuri<sup>76</sup> dan harta bukan dari jenis barang yang haram atau yang digunakan untuk sesuatu tujuan maksiat<sup>77</sup> bagi membolehkan si pencuri dikenakan dengan hukuman *hadd*. Walaupun tanpa mana-mana satu daripada syarat-syarat tersebut pesalah hanya akan dikenakan hukuman *ta'zir*, namun perbuatannya itu tetap dianggap sebagai curi menurut pandangan Islam. Ertinya, meskipun tujuan Islam meletakkan pelbagai syarat adalah untuk mengelakkan hukuman *hadd* daripada pesalah, namun ia tetap memandang berat terhadap perbuatan curi itu sendiri walau apa jua keadaannya.

Berkenaan elemen “mengambil harta milik orang lain” pula, masih terdapat lakuna di dalam Kanun Keseksaan. Menurut hukum Islam, persoalan samada si pencuri mempunyai hak terhadap harta yang dicurinya amat ditekankan. Hubungan

---

<sup>74</sup> Mazhab Mālikī, Syāfi'ī dan Ḥanbalī misalnya mempunyai pandangan yang sama mengenai nilai minimum ini, iaitu tiga dirham atau seperempat dinar. Mazhab Ḥanafī pula telah meninggikan nilai tersebut kepada sepuluh dirham. Manakala Ibn Ḥazm mempunyai pandangan yang berbeza di dalam hal ini. Beliau berpendapat, tidak ada nilai minima yang tetap bagi harta yang dicuri, sebaliknya ianya ditetapkan berdasarkan kepada adat dan *'urf*. Sila lihat al-Syīrāzī, *op cit*, h. 277, Ibnu Qudāmah, *ibid*, h. 415-416, Ibnu Rusyd, *op cit*, h. 705, al-Kasānī, *op cit*, h. 77 dan Ibnu Ḥazm, *op cit*, h. 352

<sup>75</sup> al-Kasānī, (1982), *Badāi' al-Ṣanāi'*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabīyy, j. 7, h. 69-70

<sup>76</sup> Ibnu Ḥazm, *op cit*, h. 335, Ibnu Rusyd, *op cit*, h. 708

<sup>77</sup> al-Syarbīnī, (1958M/1377H), *Mughnī Al-Muhtāj*, Kaḥerah: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūhu, j. 4, h. 160, Ibnu Rusyd, (1970M/1390H), h. 273, al-Bahūtī, *op cit*, h. 131



kekeluargaan seperti bapa-anak atau ibu-anak dan hubungan perkahwinan seperti suami-isteri misalnya turut diambil kira di dalam mengkategorikan jenis jenayah curi yang dilakukan samada *hadd* atau *ta'zir*.<sup>78</sup> Walaupun Islam amat menekankan aspek ini namun ianya tidaklah bermakna perbuatan mengambil harta ahli keluarga atau pasangan sendiri tidak dianggap curi. Begitulah juga halnya dengan curi yang dilakukan oleh seorang fakir terhadap harta yang diwakafkan untuk orang miskin atau seorang pemberi hutang mengambil harta pemiutang yang enggan membayar atau menafikan hutangnya sekadar keperluan atau seseorang muslim mencuri harta yang diwakafkan untuk orang-orang Islam<sup>79</sup>. Walaupun kesemua perbuatan tersebut tetap dikatakan mencuri namun hubungan yang wujud di antara pencuri-mangsa turut diambil kira di dalam menentukan jenis kesalahan curi yang dilakukan samada *hadd* atau *ta'zir*.<sup>80</sup> Jika diimbaz kembali kes *Lai Chai Ngiang* misalnya, ternyata keputusan mahkamah bercanggah dengan hukum Islam memandangkan mahkamah di dalam kes ini tidak menganggap perbuatan tertuduh mengambil beberapa batang kayu kain ela kepunyaan pihak pengadu sebagai cagaran kepada hutang yang belum dibayarnya sebagai curi. Menganggap perbuatan tersebut sebagai bukan curi hanya akan menggalakkan lagi seseorang mencuri.

Selain itu juga, Kanun Keseksaan tiada memperuntukkan sebarang kadar nilai minimum harta curian yang boleh membawa kepada hukuman yang disediakan. Seksyen 378 hanya menyebut '*apa-apa harta yang boleh alih*' tanpa menjelaskan kadar harta tersebut. Apabila hal ini tidak dinyatakan, maka persoalan yang mungkin timbul ialah, apakah kesemua harta bolehalih tanpa mengira nilainya boleh dikategorikan sebagai harta curian. Walaupun seksyen 95 kanun ada menyebutkan

<sup>78</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān, (1994M/1415H), *al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar'ah wa Bait al-Muslim*, Beirut: Muassasah al-Risālah, j. 5, h. 215

<sup>79</sup> al-Syarbīnī, *op cit*, h. 161, al-Kasānī, *op cit*, h. 70. al-Syirāzī, *op cit*, h. 281, Ibnu Qudāmah, *op cit*, h. 462

<sup>80</sup> al-Zarqānī, *op cit*, h. 97, lihat juga 'Abd al-Qādir 'Awdah, *op cit*, h. 593

bahawa sesuatu perbuatan yang menyebabkan kerosakan yang sebegitu kecil bukan merupakan suatu kesalahan, namun seksyen ini tidak pula menyatakan apakah kadar atau nilai yang dikatakan sebagai 'kecil' itu. Natijahnya, ketentuan akan diserahkan kepada mahkamah untuk menafsirkannya. Hal ini penting bagi penulis, kerana ketiadaan kadar minimum yang tertentu boleh membawa kepada ketidakadilan. Berbeza dengan hukum Islam, nilai harta yang dicuri disyaratkan mencapai kadar *niṣāb* yang tertentu. Walaupun nilai ini telah diperbahaskan oleh para ulama<sup>81</sup>, namun pihak berkuasa boleh menerima mana-mana pendapat yang dirasakan paling sesuai dengan keadaan semasa dan sezaman. Justeru itu, suatu peruntukan perlu dimasukkan bagi menentukan kadar nilai tertentu barang yang diambil yang termasuk di dalam kategori barang curian atau mungkin hukuman yang lebih ringan boleh dikenakan jika harta yang dicuri itu mempunyai nilai yang tersangat kecil.

---

<sup>81</sup> Mazhab Mālikī, Syāfi'ī dan Hanbalī misalnya mempunyai pandangan yang sama mengenai nilai minimum ini, iaitu tiga dirham atau seperempat dinar. Mazhab Hanafi pula telah meninggikan nilai tersebut kepada sepuluh dirham. Manakala Ibn Hazm mempunyai pandangan yang berbeza di dalam hal ini. Beliau berpendapat, tidak ada nilai minima yang tetap bagi harta yang dicuri, sebaliknya ianya ditetapkan berdasarkan kepada adat dan *'urf*. Sila lihat al-Syirāzī, *op cit*, h. 277, Ibnu Qudāmah, *ibid*, h. 415-416, Ibnu Rusyd, *op cit*, h. 705, al-Kasānī, *op cit*, h. 77 dan Ibnu Hazm, *op cit*, h. 352